

Tanda kebesaran Ilahi



PENGARAH Pusat Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam menyampaikan Tazkirah Subuh bertajuk 'Matahari Bumi dan Cuaca Tanda-tanda Kebesaran Allah' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Dari muka 1

Antara yang hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta disokong oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddin ini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusoff.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Hayati seruan Allah



PARA tetamu kehormat majlis terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet yang turut menyertai walkathon bersempena Program Mudahnya Sembahyang, yang diadakan bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1440H / 2019M sejurus selesai Program Masjidku Makmur, Negara Berkat.

Berita dan Foto : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 April. - Pelbagai pengisian Program Mudahnya Sembahyang yang diadakan bersempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1440H / 2019M sejurus selesai Program Masjidku Makmur, Negara Berkat.

Antaranya ialah Demonstrasi Sembahyang Menurut Mazhab As-Syafie; Klinik Al-Quran dan diselitkan dengan pelbagai aktiviti seperti kuiz, peraduan menulis khat, dan pameran-pameran daripada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan syarikat-syarikat swasta.

Program yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin itu dikendalikan bersama oleh Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU.

Antara yang hadir selaku tetamu-tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pertahanan Kedua, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut sama-sama hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU serta Ahli Jawatankuasa Kerja Program.

Lebih daripada 30 booth menyertai pameran, antaranya ialah Syarikat Pengendalian Haji dan Umrah serta Syarikat Insurans.

Acara dimulakan dengan senaman dan pemanasan badan diketuai oleh Pengiran Rafiuddin bin Pengiran Haji Badaruddin dan diteruskan dengan Perasmian Program Mudahnya Sembahyang diikuti dengan walkathon bersama tetamu-tetamu kehormat.

Tujuan program tersebut adalah bagi menghayati seruan Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat menitikberatkan tentang kewajipan mendirikan sembahyang dengan sempurna.



ANTARA pameran sempena Program Mudahnya Sembahyang.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Jangan ambil ringan ketika mengundi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

MENTIRI, Ahad, 7 April. - Para penduduk di Kampung-kampung di bawah Mukim Mentiri hari ini keluar mengundi bagi memilih calon yang akan menaiki tanggungjawab sebagai Penghulu Mukim Mentiri yang baharu nanti.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Mentiri itu diadakan di empat buah lokasi, iaitu di Sekolah Ugama Batu Marang, Kampung Batu Marang; Masjid Kampung Sungai Buloh; Dewan Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu dan Pusat Utamanya ialah di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri.

Calon tunggal, iaitu Awang Ramle bin Haji Abdul Karim, berusia 52 tahun mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Surveying dari Business and Technology Council (BTEC), United Kingdom dan pada masa ini berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan di Institut Teknikal Brunei (IBTE) Kampus IBTE Nakhoda Ragam, Kementerian Pendidikan.

Dalam ucapan Pengerusi Bersama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Mukim Serasa berkata, adalah jelas bahawa peranan tugas dan tanggungjawab yang perlu ditანი dan dilaksanakan oleh Penghulu Mukim adalah menyeluruh dan penuh cabaran yang meliputi bukan sahaja hal ehwal kebajikan, kesejahteraan mukim dan kampung, tetapi juga semua aspek dalam hal ehwal kehidupan penduduk-penduduk mukim dan kampung merangkumi pembangunan, ekonomi, sosial, keselamatan, keagamaan, kebudayaan dan lain-lain.

Dalam pada itu jelasnya, para penduduk mukim dan kampung,

iaitu selaku pengundi hendaklah mengambil sikap yang lebih bijak dan serius ketika mengundi calon pilihan mereka.

Yang Berhormat berkata, usaha memilih dan mengundi bukan satu usaha yang boleh dipandang ringan serta dibuat main-main oleh para pengundi kerana impak / implikasinya, bukan sahaja akan menimpa diri pengundi, malah turut akan memberikan kesan yang sama terhadap orang lain untuk tempoh lima hingga 10 tahun mendatang.

Sementara itu, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Kamal Ariffin bin Pengiran Haji Md. Yassin berkata, Penghulu Mukim mestilah mempunyai perwatakan dan kewibawaan yang tinggi, di mana selaku pemimpin masyarakat setempat, Penghulu Mukim hendaklah mempunyai beberapa ciri-ciri khusus, antaranya amanah, adil, berakhlak, sabar dan pemaaf, bersikap *as-siddiq* (benar) dan banyak lagi untuk memimpin juga mencapai hasrat dan wawasan ke arah membangunkan dan memajukan mukim, khususnya kampung-kampung di dalam Mukim Mentiri.

"Sememangnya untuk mencapai kesemua ini, memerlukan adunan dari segi kerjasama, sokongan kuat juga perpaduan, kesefahaman dan permufakatan masyarakat yang berterusan, ditambah lagi dengan adanya corak kepimpinan yang baik dan bijaksana daripada Penghulu Mukim dan sokongan Majlis Perundangan Mukim dan Kampung dalam memimpin juga mentadbir Mukim dan masyarakat yang bermastautin di Mukim berkenaan," jelasnya.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Jawatan Penghulu Mukim Mentiri akan dilatarkan lagi selama dua hari, iaitu pada 19 dan 21 April 2019 nanti, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, RPN Mentiri.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Mukim Serasa berucap pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Mentiri.